

Bank Rakyat, UTHM sumbang zakat

Sejumlah RM45,000 diagihkan kepada golongan asnaf di Kampung Aur Gading, Kuala Lipis, Pahang

BATU PAHAT - Buat julung kali, atas dasar keprihatinan, Bank Rakyat dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membantu golongan kurang berkemampuan dengan pemberian zakat.

Sumbangan yang diberikan melalui Bank Rakyat Cawangan Melaka dan Johor itu berjumlah RM45,000 dan disampaikan UTHM kepada golongan asnaf di Kampung Aur Gading, Kuala Lipis, Pahang.

Ketua Wilayahnya, Azman Abd Aziz berkata, sumbangan zakat adalah sebahagian tanggungjawab bank berkenaan untuk mengurangkan kesusahan yang dialami golongan asnaf.

Menurutnya, sumbangan itu akan digunakan untuk beberapa perkara termasuk pembinaan sebuah rumah dan

“ Pihak Bank Rakyat berganding bahu dengan UTHM bagi memastikan mereka yang benar-benar memerlukan dapat dikenal pasti melalui beberapa siri program sukarelawan olah UTHM.” - Azman

membeli barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak dan keperluan lain.

“Pihak Bank Rakyat berganding bahu dengan UTHM bagi memastikan mereka yang benar-benar memerlukan dapat dikenali melalui beberapa siri program sukarelawan UTHM.

“Pembayaran zakat ini pula adalah tanggungjawab



Azman (tiga, kiri) menyerahkan sumbangan zakat kepada pihak UTHM untuk disalurkan kepada golongan asnaf di Pahang.

kami sebagai satu agensi yang menceburi bidang perniagaan untuk menyalurkan zakat perniagaan kami kepada yang memerlukan,” katanya.

Beliau berkata demiki-

an selepas menyampaikan sumbangan cek kepada Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, yang kemudian diserahkan kepada golongan asnaf.

Mohd Noh berkata, program tanggungjawab sosial korporat itu akan diuruskan sepenuhnya Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat UTHM selain disokong

Bank Rakyat.

Menurutnya, badan berkenaan bertanggungjawab memastikan jalinan dan perkongsian antara warga universiti dengan masyarakat akan lebih bermanfaat dan lestari.

“Kami akan cuba mempergiat lebih banyak penyertaan warga UTHM terutama pelajar dalam setiap aktiviti kemasyarakatan dan membantu golongan kurang mampu.

“Malah, untuk program kerjasama dengan Bank Rakyat juga sebahagian pelajar akan turut serta dalam misi membantu penerima terbabit, selain memupuk semangat prihatin serta bertanggungjawab di kalangan pelajar,” katanya.

HEBAHKAN
AKTIVITI KOMUNITI ANDA
emel: mohd.hanafiah@
sinarharian.com.my

